



## جدوال ڦمباچاءن خطبه جمعة سيري 4/ 2022 (Bulan April 2022)

تاریخ	تاجوچ	ب
1.4.2022M/ 29 Syaaban 1443H	ڦسياقن ٻرتو ڦيستا عباده	1.
8.4.2022M/ 6 Ramadhan 1443H	هوٽع (انتارا دوسا دان ٺهالا)	2.
15.4.2022M/ 13 Ramadhan 1443H	نزل القرآن: تيٽيق ٻرمولان فروهن	3.
22.4.2022M/ 20 Ramadhan 1443H	مراءيه ڪنجرن ٻرکندا	4.
29.4.2022M/ 27 Ramadhan 1443H	رمضان منٽکن ڦرهباءن ديری	5.
	خطبه ڪدوا	



فرچيتقن دبیايءی :  
زکاة ٺولاو ڦینغ  
تليثون : 04-5498088

---

## **Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah Negeri Pulau Pinang**

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**  
Ketua Sektor Pendidikan Islam,  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





## NUZUL AL-QURAN: TITIK BERMULANYA PERUBAHAN

(15 April 2022M/ 13 Ramadhan 1443H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوْجَأً،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا،  
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الدُّلُّ وَكَبْرٍ تَكْبِيرًا  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، بَعَثَهُ رَبُّهُ مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا.  
وَأَصَلِي وَأَسْلِمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ السَّرَّاجِ الْمُنِيرِ صَلَّاهُ وَتَسْلِيمًا،  
عِبَادَ اللَّهِ: أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ الْعَظِيمِ وَطَاعَتِهِ، وَأَنْهَاكُمْ وَنَفْسِي عَنْ  
عِصْيَانِهِ وَمُخَالَفَةِ أَمْرِهِ وَنَهْيِهِ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Beberapa hari lagi kita akan menyambut nuzul al-Quran. Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah ﷺ melalui puasa Ramadan ini serta melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling baik disisi Tuhan ialah orang yang paling bertakwa.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita berikan sepenuhnya tumpuan kepada isi kandungan khutbah hari ini. Sedarlah bahwasanya perbuatan berbual-bual, bermain telefon bimbit atau



tidur dengan sengaja adalah perbuatan sia-sia yang boleh menjelaskan kesempurnaan meraih ganjaran pahala. Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah “**Nuzul Al-Quran: Titik bermulanya perubahan.**”

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Peristiwa Nuzul al-Quran yang berlaku pada malam Jumaat, 17 Ramadan tahun ke-41 daripada kelahiran Rasulullah ﷺ ini, telah membawa sinar kepada seluruh manusia yang ketika itu sedang berada dalam kegelapan jahiliah. Bermula dari peristiwa ini, zaman yang penuh dengan kegelapan itu telah berubah wajah dengan cahaya iman dan Islam. Era sesat dan batil telah bertukar kepada kebenaran dan keadilan. Manusia yang dahulu hidupnya bertuhankan hawa nafsu, kini beralih kepada menyembah Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى yang Maha Esa.

Sesungguhnya turunnya al-Quran pada bulan Ramadan sejak lebih 1,400 tahun lalu telah menyelamatkan manusia daripada melakukan tabiat serta tingkah laku yang tidak selari dengan fitrah mereka sendiri. Ia menjadi inspirasi ke arah kebaikan kerana di dalamnya penuh dengan ayat-ayat yang mampu mengubah sikap manusia kepada sesuatu yang baik dalam hidup mereka.

Amirul Mukminin Saidina Umar al-Khattab رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ misalnya yang dikenali sebagai seorang yang bengis dan amat membenci Rasulullah, telah menemui jalan terbaik dalam hidupnya apabila dipertemukan dengan al-Quran sehingga akhirnya diberi hidayah. Menariknya, Umar telah memeluk Islam hanya kerana membaca dan menatap beberapa potong ayat al-Quran daripada surah Taha ayat 1-5.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,**

Mimbar ingin menegaskan bahawa tidak semua dalam kalangan manusia yang bernama Islam memiliki citarasa yang sama terhadap al-Quran. Perkara ini ditegaskan sendiri oleh Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menerusi surah Fatir ayat 32:



ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخُيُّرَاتِ يَإِذْنِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Kemudian Kami wariskan Al-Quran itu kepada orang yang Kami pilih dari kalangan hamba Kami; maka di antara mereka ada yang menzalimi diri sendiri, dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan ada yang mendahului dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata).”

Dalam ayat di atas, Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menyatakan terdapat tiga jenis manusia di kalangan hamba Allah yang Islam yang berbeza pendirian mereka terhadap al-Quran:

**Pertama :** Golongan yang menganiayai diri mereka sendiri iaitu golongan yang dosa mereka lebih banyak daripada pahala kebaikan. Mereka tidak membaca al-Quran, mempelajarinya, tidak cuba memahaminya apatah lagi untuk beramal dengan perintah Allah di dalamnya.

**Kedua :** Golongan yang bersederhana iaitu golongan di mana kesalahan dosa mereka sama banyak dengan pahala. Golongan ini membaca al-Quran tetapi belum bersedia untuk melaksanakan isi-isi kandungannya.

**Ketiga :** Golongan yang berlumba-lumba untuk berbuat kebaikan. Golongan ini amat banyak kebaikan yang dilakukan dan jarang berbuat kesalahan. Mereka bersedia melaksanakan perintah Allah dalam al-Quran.

Maka terserahlah kepada kita meletakkan diri di kedudukan yang terbaik.

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,

Al-Quran adalah kitab suci yang kekal sifatnya, sangat istimewa dan sesuai untuk semua zaman dan tempat. Perkembangan ilmu sains pada zaman moden ini mengisahkan hakikat kebenaran al-Quran sebagai sebuah kitab yang diwahyukan Allah. سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى Misalnya kajian mengenai deria kulit manusia



yang baru diketahui mempunyai sel-sel yang banyak serta paling sensitif. Perkara ini telah digambarkan oleh al-Quran ketika mana orang berdosa diazab dalam neraka kelak. Setiap kali kulit-kulit mereka terbakar hangus, ia akan diganti dengan kulit lain untuk menggandakan azab yang berkekalan. Surah an-Nisa' ayat 56 berbunyi:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّا يَأْتِنَا سَوْفَ نُصْلِيهِمْ كَارَآ گُلَّمَا نَضِجَتْ جُلُودُهُمْ جُلُودًا  
عَيْرَهَا لِيَدُوْقُوا الْعَذَابُ إِنَّ اللَّهَ گَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ۝

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat keterangan Kami, Kami akan membakar mereka dalam api Neraka. Tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

Keimanan kita pada mukjizat Allah yang agung ini pasti akan menambah motivasi kita ke arah perubahan bagi menjadi Muslim dan Mukmin yang lebih baik. Penghayatan yang mendalam pada setiap kalam-Nya pasti dapat menambah rasa gerun untuk mendekati dosa dan maksiat.

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,

Di kesempatan ini, khatib ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengadakan Majlis Sambutan Nuzul al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1443H/ 2022M pada 18 April 2022 bertempat di Masjid Daerah Timur Laut, Tanjung Bunga, Pulau Pinang.

Mimbar juga ingin menegaskan bahawa sesungguhnya peluang untuk membaca al-Quran serta menyelidiki hikmah yang terkandung di dalamnya adalah kewajipan umat Islam sendiri. Oleh itu, khatib menyeru semua pihak dalam keberkatan Ramadan yang mulia ini, marilah kita sama-sama mengambil manfaat untuk meningkatkan ketakwaan dan mengubah segala kelakuan buruk kita ke arah yang lebih diredhai Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَنَزَّلْ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

Maksudnya: “Dan Kami turunkan dari ayat Al-Quran itu penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan tidak menambahkan orang-orang yang zalim kecuali kerugian.”

{ Surah al-Isra' ayat 82 }

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْوَحْيَيْنِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى سَيِّدِ النَّّقَلَيْنِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ طَاعَتَهُ لِسَعَادَةِ الدَّارِيْنِ، أَقُولُ مِنْ قَلْبِي الْحَنِيْنِ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِي وَلَكُمْ أَجْمَعِيْنَ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْمَيْتِيْنَ، فَاسْتَغْفِرُوهُ يَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ، وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِيْنَ.





## KHUTBAH KEDUA BULAN APRIL 2022M/ 1443H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى الْإِيمَانِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيْمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًّا إِلَى رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَّ خَلْقَهُ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تُقَاتِهِ،  
وَاغْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اغْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ  
بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ - عَلِيُّمَا حَكِيْمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا أَلَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا ⑤

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بِالْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَّاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعْفُوكَ وَكَرِمُكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَئِمَّتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُرَّاءَنَا وَوْلَاتَ أُمُورِنَا.  
اللَّهُمَّ وَفَقْهُمْ لِمَا فِيهِ عُزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكَذَلِكَ صَاحِبُ الْفَخَامَةُ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَادِقَ وَالْمَلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلْدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf.

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami, pemuda-pemuda kami, pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara.

Ya Allah! Kau hindarilah kami daripada perbuatan-perbuatan khianat dan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَدْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٧﴾

